



SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 5/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pembekal
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PESANAN RASMI SECARA ATAS TALIAN BAGI PROSES PEROLEHAN DI SISTEM eP@UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sejarar dengan matlamat Pelan Kelestarian 2030 yang telah dilancarkan oleh Universiti dalam mewujudkan kampus hijau, lestari dan sejahtera, Jabatan Bendahari mengambil pendekatan langsung dengan menambahbaik proses penyediaan dan pencetakan Pesanan Rasmi (PR) dalam proses perolehan Universiti. Langkah ini adalah bagi meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan Universiti, mengurangkan penggunaan cetakan PR secara salinan keras dan juga meningkatkan kebolehcapaian dokumen secara menyeluruh melalui Sistem eP@UKM.

3. Justeru itu, **mulai 1 Februari 2025** dokumen PR bagi **semua perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem eP@UKM proses cetakan PR juga akan dilaksanakan secara atas talian di Sistem eP@UKM**. Manakala bagi perolehan yang diuruskan **TANPA** melalui Sistem eP@UKM, maka proses sedia ada masih dikekalkan dan cetakan PR secara salinan keras dengan menggunakan kertas PR *preprinted* masih diperlukan.

4. Bersama-sama ini juga dilampirkan Infografik **Carta Alir Proses Pesanan Rasmi Secara Atas Talian Melalui Sistem eP@UKM**. PTj dan pembekal juga boleh mendapatkan panduan lengkap berkaitan perkara ini di Manual Pengguna Sistem eP@UKM melalui pautan berikut <https://ukmperolehan.ukm.my/>



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari


5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dan Pembekal UKM amat diharapkan agar proses peralihan ini dapat berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari ditalian 03-8921 3553/ 5030 atau e-mel ke bahagianperolehan@ukm.edu.my

6. Pemakaian pekeliling ini adalah tertakluk kepada semua PTj di UKM, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tunku Aishah Rohani (HPKK) serta entiti di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“Kekal Berintegriti”

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN c.a.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tunku Aishah Rohani (HPKK)
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

